

UMP terima pengiktirafan SEDA bagi kecekapan tenaga

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pengiktirafan One Diamond bagi Penilaian Karbon Rendah Bangunan daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Les-
tar (SEDA), baru-baru ini.

Pengiktirafan itu diberikan kepada organisasi yang berjaya membuktikan kemampuan melaksanakan usaha penggunaan tenaga elektrik yang efisien, penggunaan tenaga boleh baharu dan mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida.

Inisiatif ‘amalan hijau’ dalam masyarakat Malaysia amat digalakkan terutama melalui pelaksanaan kecekapan tenaga dalam mengurangkan peningkatan penggunaan tenaga.

Kecekapan tenaga bermatlamat menggunakan tenaga secara berkesan dan optimum, sekali gus mengurangkan pembaziran.

Antara amalan keceka-

Berita Harian (Selatan/Timur) 18/2/19 n/s 43



Hassan (dua dari kiri) menunjukkan sijil pengiktirafan SEDA, di Kuantan, baru-baru ini.

(Foto ihsan UMP)

pan tenaga yang boleh dilaksanakan ialah menukar peralatan elektrik kurang cekap kepada cekap tenaga, mengurangkan bebanan ke atas peralatan mekanikal kerana ia memerlukan tenaga lebih untuk berfungsi, menaik taraf sistem bumbung dan penebat haba bangunan, memiliki sistem saluran keluar masuk udara baik dan menggunakan sistem kawalan ji-

mat tenaga untuk semua peralatan elektrik.

Ahli Jawatankuasa Kluster Energy & Climate Change UI-GreenMetric UMP, Prof Dr Hassan Ibrahim, berkata kecekapan tenaga kerap dikaitkan dengan penggunaan tenaga minimum dalam menyempurnakan kerja tertentu serta dapat meningkatkan peluang penjimatan dan mengelak pembaziran.